Prof. Dr. 'Abd Al Karim Zaidan



# SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

نِظَامُ الْقَضَاءِ فِي الشَّرِيْعَةِ الإِسْلَامِيَّةِ

Diterjemahkan oleh :

**Haji Mohd Saleh Bin Haji Ahmad**

PUSTAKA HAJI ABDUL MAJID

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

# SISTEM

# KEHAKIMAN ISLAM

نِظَامُ القَضَاءِ فِي الشَّرِيْعَةِ الإِسْلَامِيَّةِ

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

EDISI TERKINI

**DR. ABD AL-KARIM ZAIDAN**

# SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

## نِظَامُ الْقَضَاءِ فِي الشَّرِيْعَةِ الإِسْلَامِيَّةِ

**Diterjemahkan oleh:**
**Haji Mohd. Saleh Bin Haji Ahmad**

PUSTAKA PERDANA
1012644
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA * PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION *

PUSTAKA HAJI ABDUL MAJID
2010

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

**SISTEM KEHAKIMAN ISLAM**

Penerbit:
PUSTAKA HAJI ABDUL MAJID
No. 54, Jalan SBC 3, Taman Sri Batu Caves
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-61842641 Fax: 03-61842671,
H/P: 012-3883545
Web: http://www.pustakamajid.com

Cetakan Pertama: Edisi Terkini: Februari 2010
© Pustaka Haji Abdul Majid
ISBN : 978-967-5407-02-4

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada eletronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara-cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Aturhuruf dan Rekabentuk Kulit:
Baiti Grafik

Dicetak oleh:
Hazrah Enterprise
122, Jalan SBC 3, Taman Sri Batu Caves
68100 Batu Caves, Selangor.
Tel: 03-61858907

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# SEPATAH KATA DARI PENTERJEMAH

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ فِيْ كِتَابِهِ الْعَزِيْزِ ﴿ فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُوْنَ
حَتّٰى يُحَكِّمُوْكَ فِيْمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوْا فِيْ أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا
مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا ﴾ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ (ص)، وَعَلٰى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْمَيَامِيْنِ،
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.

Bersyukur saya kepada Allah S.W.T. di atas limpah kurnia serta taufik dan hidayah-Nya maka dapat diterbitkan sebuah buku yang berjudul **"SISTEM KEHAKIMAN ISLAM"** terjemahan dari sebuah buku yang bernama نِظَامُ الْقَضَاءِ فِي الشَّرِيْعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ hasil karya dan penulisan Dr. Abdul Karim Zaidan, Profesor di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera, Universiti Baghdad, Iraq dan juga sebagai peguam syarie di Baghdad. Beliau juga terkenal sebagai salah seorang tokoh ulama haraki yang tidak asing dalam dunia Arab dan Islam khususnya di kalangan anggota jemaah al-Ikhwan al-Muslimin dan pertubuhan-pertubuhan Islam di peringkat antarabangsa.

Profesor Dr. Abdal Karim Zaidan telah banyak menghasilkan buku-buku dalam berbagai-bagai bidang pengajian hukum Islam dan dakwah dengan gaya penulisan yang amat menarik dan jalinan bahasa yang mudah



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

difahami. Saya adalah antara pembaca yang berminat dengan penulisan dan karangan beliau sehingga mendorong saya menterjemahkan buku karangan beliau yang bernilai ilmiah itu agar dapat dimanfaatkan oleh mereka yang ingin mengetahui selok-belok hukum Islam dalam bidang *kehakiman dan keadilan Islam.*

Buku ini diterjemahkan secara beransur-ansur sewaktu saya menjadi pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dan diterbitkan dalam tiga jilid (1,2,3) pada tahun 1993 dengan berbagai warna kulitnya. Buku terjemahan ini saya jadikannya sebagai buku teks kepada mahasiswa yang sedang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Syariah APIUM. Kemudian terbitan kali ini saya gabungkan ketiga-tiga jilid itu jadi satu sahaja, disamping beberapa pembetulan telah dilakukan keatas percetakan dahulu

Harapan saya kepada pembaca yang budiman jika saudara mendapati beberapa kelemahan dalam terjemahan ini atau kemungkinan kurang tepat dengan maksud dan kehendak pengarang maka apalah sudi kiranya saudara betulkan kesilapan itu dengan ikhlas dan sila beritahu saya agar dapat diperbaiki pada masa akan datang.

Terima kasih kepada isteri saya, Hajjah Solihah Haji Abd Halim yang telah banyak membantu dalam menyiapkan buku ini, setinggi penghargaan terima kasih diucapkan dan khidmatnya tetap dikenang. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pihak Pustaka Haji Abdul Majid yang sudi menerbitkannya.

Mudah-mudahan Allah S.W.T akan memberkati usaha kami dan menjadikan buku ini sebahagian dari amal kebajikan yang berpanjangan untuk kami dan ibu bapa kami.

Amin Ya Rabbal-'Alamin.

Haji Mohd Saleh bin Haji Ahmad
Jabatan Undang-Undang Islam
Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Gombak, Selangor

16 Safar 1431 (1hb. Februari 2010)



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# Kandungan

**SEPATAH KATA DARI PENTERJEMAH**

**MUKADIMAH** ........................................................ 23

BAB PENDAHULUAN: TAKRIF AL-QADZA (KEHAKIMAN/PENGADILAN), PENJELASAN HUKUM AL-QADZA DAN HIKMAHNYA ........... 29

**BAB PERTAMA: KADI/HAKIM** .............................. 47

FASAL PERTAMA:
*Syarat-syarat Kelayakan Seorang Hakim / Kadi* ...48

FASAL KEDUA:
*Kuasa Yang Melantik Hakim / Kadi* ...................... 59

FASAL KETIGA:
*Tatacara Pelantikan dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengannya* ............................................. 68

FASAL KEEMPAT:
*Bidang Kuasa Hakim / Kadi* ................................. 73

FASAL KELIMA:
*Pembantu Hakim* .................................................... 85

FASAL KEENAM:
*Etika Hakim dan Saraan* ....................................... 93

FASAL KETUJUH:
*Hubungan Hakim dengan Negara* ......................... 99

FASAL KELAPAN:
*Tanggungjawab Hakim* ........................................ 116

FASAL KESEMBILAN:
*Berakhirnya Kuasa Seorang Hakim* .................. 120



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

## BAB KEDUA:

## PENDAKWAAN, PRINSIP-PRINSIP PENDENGARAN DAKWAAN DAN CARA-CARA MEMBUKTIKANNYA

Pendahuluan ........................................................ 135

FASAL PERTAMA

### PENDAKWAAN

Takrif Dakwa atau Dakwaan .............................. 136
Rukun-rukun Dakwaan ...................................... 136
Pertama: Takrif Pendakwa (Al-Mudda'i)
dan Pihak Yang Didakwa (Al-Mudda'a 'Alaihi)
dan Perbezaan di Antara Kedua-duanya.............137
Takrif al-Mudda'i dan al-Mudda'a 'Alaihi ...........138
Kedua: Takrif Benda atau Hak Yang Didakwa ..138
Perkara-perkara Yang Tidak Boleh Didakwa ... 140
Ketiga: Takrif Dakwaan ...................................... 141
Lafaz Dakwaan ................................................... 141
Pembahagian Dakwaan Dari Sudut Sahnya
atau Tidak .......................................................... 143
Pertama: Dakwaan yang Sah .............................. 143
Kedua: Dakwaan Yang Fasidah .......................... 144
Ketiga: Dakwaan Yang Batal .............................. 145
Keempat: Dakwaan al- Hisbah .......................... 145

FASAL KEDUA

### PRINSIP-PRINSIP PENDENGARAN DAKWAAN ATAU KAEDAH-KAEDAH PERBICARAAN

Pendahuluan ........................................................ 148
Metode Kajian ......................................................149



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERBAHASAN PERTAMA

## TEMPAT PERBICARAAN DAN MASANYA

Ciri-ciri Tempat Perbicaraan (Mahkamah) ......... 151
Perbicaraan di Rumah Hakim .............................. 152
Perbicaraan di Masjid dan Pandangan Fuqaha' .. 152
Pendapat yang Muktamad Dalam Masalah Perbicaraan di Dalam Masjid ................................ 153
Masa Perbicaraan dan Hari-hari Cuti ................ 154
Menentukan Waktu Pengadilan dan Hari Cuti .. 155

PERBAHASAN KEDUA

## MAJLIS KEHAKIMAN (MAHKAMAH)

Mereka Yang Turut Hadir di Majlis Kehakiman ..156
Keadaan Hakim di Dalam Majlis Kehakiman ..... 157
Adab Seseorang Hakim Dalam Majlis Kehakiman .......157
Pakaian Hakim di Dalam Majlis Kehakiman .......158
Menghormati Adab-adab Dalam Majlis Kehakiman ................................................................ 159
Etika Pihak-pihak Yang Bertikai Ketika Bercakap Dalam Majlis Kehakiman .................................... 159

PERBAHASAN KETIGA

## MENGEMUKAKAN DAKWAAN KEPADA HAKIM

Mahkamah Yang Berbidangkuasa Mendengar Dakwaan ...................................................................... 160
Bayaran Perkhidmatan Dakwaan ....................... 161
Cara-cara Mengemukan Dakwaan dan Giliran Mendengar Dakwaan ............................................ 163
Tidak Mengikut Giliran Dalam Mendengar Dakwaan Kerana Darurat .................................. 164
Siapakah Yang Akan Mengemukakan Dakwaan Kepada Hakim? ............................................. 165
Wakil Untuk Mendakwa atau Melawan ............... 166



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Wakil Mewakilkan Kepada Orang Lain (Wakil Atas Wakil) .......... 167
Upah Mendakwa atau Melawan Secara Berwakil (Upah Peguam) .......... 167
Berakhirnya Mandat (Wakalah) Mendakwa atau Melawan .......... 168
Pengemukaan Dakwaan Jenayah oleh Pihak Pendakwaraya .......... 168

PERBAHASAN KEEMPAT

**PRA-PERBICARAAN**

Pendahuluan .......... 170
Pihak Yang Didakwa Dibawa Ke Majlis Kehakiman. Sekiranya Dia Berada Dalam Negeri Hakim Berkenaan .......... 170
Kehadiran Kaum Wanita di Majlis Kehakiman .. 172
Perlu Menghadirkan Pihak Yang Didakwa Apabila Dia Berada di Luar Negeri Hakim (Luar Bidang kuasa Tempatan) .......... 173
Pihak-pihak Yang Bertikai Duduk di Hadapan Hakim .......... 173
Memberi Layanan Yang Sama Rata Kepada Kedua-dua Pihak Yang Bertikai .......... 175
Wasiat 'Umar bin al-Khattab Kepada Hakim Agar Melakukan Kesaksamaan di Antara Pihak pihak Yang Bertikai .......... 176
Hakim-hakim Islam Hendaklah melakukan Kesaksamaan di Antara Yang Bertikai .......... 176
Mengetepikan Konsep Kesaksamaan di Antara Yang Bertikai Tidak Akan Mendatangkan Kemaslahatan Kepada Hakim .......... 177



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERBAHASAN KELIMA

## PERBICARAAN YANG DIHADIRI OLEH KEDUA-DUA PIHAK YANG BERTIKAI


Hakim Akan Menasihatkan Kedua-dua Pihak Yang Bertikai Sebelum Perbicaraan Dimulakan .......... 178
Perbicaraan Dimulakan Apabila Hakim Menyoal Tentang Dakwaan .......... 179
Hakim Akan Meminta Pihak Yang Didakwa Menjawab Dakwaan .......... 180
Pertama: Ikrar (pengakuan pihak yang didakwa) .......... 181
Kedua: Ingkar (penafian pihak yang didakwa) .......... 181
Ketiga: Enggan Menjawab .......... 182
Perbicaraan Secara Terbuka .......... 182
Perbicaraan Secara Tertutup .......... 184
Perbicaraan Orang Asing .......... 185
Pendapat Yang Kuat Dalam Masalah Penterjemah .......... 186
Permohonan Pihak Yang Bertikai Semasa Perbicaraan Sedang Dijalankan .......... 187
Memohon Penahanan Sementara (Injuksi) .......... 187
Kesan Penahanan Sementara (Injuksi) .......... 188
Penangguhan Perbicaraan .......... 189
Tempoh Masa Yang Mesti Dipatuhi .......... 190
Kegagalan Mengemukakan Keterangan Setelah Diberi Penangguhan .......... 191
Dakwaan Digugurkan Buat Sementara .......... 191
Menamatkan Perbicaraan .......... 192




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERBAHASAN KEENAM

**PERBICARAAN TANPA KEHADIRAN SALAH SEORANG YANG BERTIKAI**

Pendahuluan ..................................................... 193
Perbicaraan Tanpa Kehadiran Pihak Yang Mendakwa ..................................................... 194
Perbicaraan Tanpa Kehadiran Pihak Yang Didakwa ..................................................... 195
Pihak Yang Didakwa Bermukim di luar Kawasan Hakim ..................................................... 195
Kehadiran Pihak Yang Ghaib ............................. 198
Pihak Yang Didakwa Bermukim di Dalam Negeri Hakim ..................................................... 199
Pihak Yang Didakwa Melarikan Diri ................ 200
Ulasan ..................................................... 201

FASAL KETIGA

**PEMBUKTIAN DAN KETERANGAN**

Pendahuluan ..................................................... 202

PERBAHASAN PERTAMA

**IKRAR**

Takrif Ikrar ..................................................... 204
Rukun Ikrar ..................................................... 205
Ikrar Sebagai Satu Bukti ..................................... 205
Hukum Ikrar ..................................................... 206
Syarat-syarat Sah Ikrar ..................................... 207
Pertama: Syarat Orang Yang Berikrar ................ 208
Kedua: Syarat Benda Yang Diikrarkan .............. 209
Ketiga: Syarat Orang Yang Diikrarkan Baginya..209
Orang Yang Berikrar Mendakwa Akan Sesuatu Yang Membatalkan Ikrarnya ................................ 210



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERBAHASAN KEDUA

## SYAHADAH

Pendahuluan .......................................................... 210

## BAHAGIAN PERTAMA

Takrif Syahadah, Menjadi Saksi dan Memberi Keterangan Atau Kesaksian ................................ 211
Hukum Menjadi Saksi dan Memberi Keterangan Kesaksian ........................................ 212
Syarat-syarat Diterima Kesaksian dan Cara Memberi Kesaksian ...... ................................. 214
Kesaksian Hisbah (Syahadah al-Hisbah) ............. 218
Perkara-perkara Yang Boleh Diterima Kesaksian Hisbah ................................................ 219
Kesaksian Atas Kesaksian................................ 219
Syarat-syarat Saksi Atas Saksi ..................... ..... 220
Kesaksian di Atas Penafian .......................... 222
Upah Kerana Kesaksian .................................... 223

## BAHAGIAN KEDUA

Syarat-syarat Kelayakan Seseorang Saksi ...... 224
Bilangan Syarat-syarat Saksi ......................... 224
Huraian Syarat-syarat Saksi ......................... 224
Pertama: Baligh dan Berakal ............................ 224
Kedua: Mengetahui Sesuatu Yang Dia Saksikan ........................................................ 226
Ketiga: Islam ...................................................... 228
Keempat: Adil ............................................. 229
Bagaimana Mengenali Keadilan Seseorang Saksi? .................................................................. 230
Prosedur-prosedur Menyiasat Saksi ............... 232



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Adakah Harus Kesaksian Orang Fasiq
Dalam Keadaan-keadaan Tertentu? .................. 236
Kelima: Tidak Ada Tohmah .............................. 237
a. Permusuhan .......................................... 237
b. Berkepentingan ..................................... 239
c. Persyarikatan dan Bekerja Sebagai Wakil .... 240
d. Kerabat ................................................. 240
e. Suami Isteri ......................................... 241

Keenam: Sejahtera Daripada Penyakit-
penyakit Tertentu ............................................ 242

## BAHAGIAN KETIGA

Bilangan Kesaksian
Pendahuluan ....................................................243
Pertama: Nisab atau Bilangan Kesaksian Kes Zina ........................................... 243
Kedua: Bilangan Kesaksian Kes Qisas dan Hudud Selain Dari Zina .................. 244
Ketiga: Bilangan Kesaksian Pada Selain Daripada Kes-kes Hudud, Qisas dan Mal 244
Keempat: Bilangan Kesaksian Dalam Kes-kes Mal ..............................................245
Kelima: Seorang Saksi dan Sumpah Pendakwa .......................................245

Keenam: Satu Orang Saksi Lelaki ...................... 251
Ketujuh: Diterima Perkataan Pendakwa (Pihak Yang Menuntut ) Sahaja ..........251
Kelapan: Kesaksian Wanita Sahaja ................... 252



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAHAGIAN KEEMPAT

**Penarikan Balik Penyaksian dan Tanggungjawab Para Saksi**

Pendahuluan ....................................................255
Beberapa Keadaan Penarikan Balik Daripada Penyaksian dan Risikonya .................................. 255
Tanggungjawab Saksi di Atas Penarikan Balik Kesaksian ................................................ 257
Saksi Dusta ....................................................... 258
Tanggungjawab Saksi Dusta .............................. 260
Adakah Diterima Keterangan Saksi Dusta Setelah Bertaubat? ............................................ 261

PERBAHASAN KETIGA ...................................................

**BERSUMPAH DAN KEENGGANAN BERSUMPAH**

Pendahuluan ................................................. 263
Takrif 'Al-Yamin' (Sumpah) ............................... 263
Seseorang Tidak Boleh Bersumpah Bagi Pihak Orang Lain ............................................................ 264
Tidak Berdosa Orang Yang Bersumpah Benar ... 265
Jenis-jenis Hak yang boleh Dilakukan Sumpah .. 266
a. Hak Anak Adam Terbahagi Dua ............... 266
b. Hak Allah Mempunyai Dua Bahagian ......... 267
Syarat-syarat Wajib Bersumpah Pihak Yang Kena Dakwa .................................................. 268



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sumpah Pendakwa ........................................ 269
Keengganan Bersumpah Pihak Yang Kena Dakwa dan Bentuk Keengganannya ................. 270
Pemulangan Sumpah Kepada Pendakwa ........... 272
Tidak Akan Diterima Sumpah Selepas Dikeluarkan Keputusan ................................ 274

PERBAHASAN KEEMPAT

## PENGETAHUAN HAKIM ('ILM AL-QADZI)

Pendahuluan ................................................ 275
Pertama: Maklumat Hakim Yang Diperoleh di Majlis Kehakiman ...................................... 275
Kedua: Maklumat Hakim Yang Diperolehi di Luar Majlis Kehakiman .............................. 277
a. Mazhab Zahiri ........................................ 277
b. Mazhab Syafi'i ........................................ 278
c. Mazhab Hanbali ...................................... 280
d. Mazhab Hanafi ........................................ 282
e. Mazhab Maliki ........................................ 284
Perbincangan Pendapat-pendapat dan Dalil Masing-masing ............................................ 285
Pendapat Yang Muktamad ............................ 286

PERBAHASAN KELIMA

## QARINAH

Pendahuluan ................................................ 291
Syarak Mengambil Kira Qarinah dan Tidak Mensia-siakannya ........................................ 291
Pertama: Dalil al-Quran ................................ 292
Kedua: Dalil Sunah Nabi ............................... 293
Ketiga: Beberapa Keputusan Penghakiman Para Sahabat .............................................. 294
Sejauh Manakah Qarinah Diambil Kira di Sisi Ulama Fiqah? ...................................... 295
Bantahan dan Jawapannya ........................... 296



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERBAHASAN KEENAM

## AL-QASAMAH


Takrif al-Qasamah .................................................. 297
Bilakah Diwajibkan Qasamah? ............................. 297
Cara-cara Melakukan Qasamah dan Kes-kes Yang Boleh Disabitkan Dengan Qasamah Menurut Mazhab Hanafi ......................................... 298


PERBAHASAN KETUJUH

## QIYAFAH


Takrifnya ............................................................... 299
Ulama Tidak Sependapat Tentang Mengambil Kira Qiyafah ........................................................ 300
Khilaf Fuqaha Tentang Sabit Nasab Anak Yang Dijumpai (Yang Dipungut) Berdasarkan Kata-kata Ahli Qiyafah .............................................. 301
Bilangan Pakar Qiyafah ....................................... 302
Perkataan Pakar Qiyafah Apabila Telah Dihubungkan Sesuatu Hukum Dengannya ........ 303
Sabit Nasab Dengan Perkataan Ahli Qiyafah, Tidak Sabit Dengan Dia oleh Kekufuran dan Kehambaan ........................................................ 304
Ahli-ahli Qiyafah Lebih Kuat Daripada Pendakwa Atau Penuntut Yang Tunggal ........... 306
Ahli Qiyafah Menghubungkan 'Laqit' Dengan Dua Orang ........................................................ 307


PERBAHASAN KELAPAN


Al-Qur'ah (Undian) ............................................. 308
Apakah Undian Sebahagian Daripada Cara Pembuktian? ........................................................ 308
Dalil Pensyariatan Undian ...................................... 308
Bilakah Pengundian Akan Dijalankan? ................ 309




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Undian Bagi Menentukan Siapakah Yang Akan Bersumpah Dahulu Dari Kalangan Yang Bertikai ........................................ 310
Undian Di Antara Dua Orang Pemungut Barang Tercicir ........................................ 311
Undian Dalam Kes Hadzanah ........................ 312
Undian Dalam Menentukan Saham Ahli Syarikat ........................................ 312
Undian Di Antara Dua Orang Yang Mendakwa Ke Atas Satu Benda ........................................ 313
Mencabut Undi Dalam Kes Pemerdekaan ........... 313
Undian Dalam Kes Talak ........................ .... 314

PERBAHASAN KESEMBILAN

**Percanggahan Keterangan atau Kesaksian**

Pendahuluan ........................................ 315
Kaedah-kaedah Yang Menentukan Keterangan-keterangan Yang Bercanggah ........................ 315
Kaedah Pertama: Diamal Kedua-dua Keterangan ........................................ 316
Kaedah Kedua: Diamalkan Kesaksian Atau Keterangan Yang Terkuat ........................ 316
a. Tarjih Dengan Sebab Mutawatir ................ 317
b. Ditarjihkan Saksi "al-Kharij" Ke Atas Saksi "al-Dakhil" ........................................ 317
c. Ditarjihkan Kesaksian Pemindahan Milik Ke Atas Kesaksian Pengekalan Milik ........... 318
d. Tarjih Dengan Sebab Banyak Bilangan dan Masyhur dengan Keadilan ........................ 318
Kaedah Ketiga: Gugur Semua Kesaksian Atau Keterangan ........................................ 319

**BAB KETIGA: KEPUTUSAN HAKIM**

Pendahuluan dan Penjelasan Metode Kajian ...... 322



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

FASAL PERTAMA

## UNDANG-UNDANG YANG WAJIB DIAMALKAN


Undang-undang Islam Ialah Undang-undang Yang Wajib Diamalkan .................................... 323
Yang Dimaksudkan Dengan Undang-undang Islam ........................................................................ 325
Apakah Boleh Diikatkan Hakim Dengan Mazhab Tertentu ................................................ 325
Perlunya Ijtihad Bagi Seorang Hakim .................. 327
Bilakah Hakim Akan Menghukum Berdasarkan Ijtihadnya? ................................................................ 328
Dalil Atas Cara Ini dan Perlunya Seorang Hakim Iltizam Dengannya ................................ 329
Iltizam Dengan Ketertiban Sumber-sumber Hukum .................................................................. 331
Undang-undang Bagi Hakim Muqallid................ 331
Adakah Harus Bagi Waliy al-Amr (Pemerintah) Mewajibkan/Mengikatkan Para Hakim Dengan Mazhab Tertentu?.................................................. 332
Adakah Boleh DiPerkanunkan Hukum-hukum Fiqh? ........................................................................... 333
Undang-undang Yang Wajib Dilaksanakan Bagi Orang Yang Bukan Islam ................................. 333
Bantahan dan Jawapannya ................................. 336


FASAL KEDUA

## PROSES MENGELUARKAN HUKUMAN


Musyawarah Sebelum Mengeluarkan Keputusan ........................................................ 340
Mensegerakan Proses Mengeluarkan Hukuman.. 340
Lafaz-lafaz Hukuman ............................................ 341
Mencatat Keputusan dan Diserahkan Satu Salinan Kepada Orang Yang Diputuskan Hukuman Baginya (Mahkumlah)............................ 343




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

FASAL KETIGA

## TABIAT HUKUMAN

Pendahuluan .......................................................... 344
Pertama: Tabiat Hukuman Yang Berkaita
Dengan Harta ..........................................................345
Kedua: Tabiat Hukuman Yang Berkaitan
Dengan "Akad dan Fasakh (Pembubaran Akad)" 346
Pendapatan Yang Rajih ..................................... 347

FASAL KEEMPAT

## PEMBATALAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN

Pendahuluan .......................................................... 349

PERBAHASAN PERTAMA...................................... 350

## KAEDAH-KAEDAH PEMBATAL DAN PENGESAHAN

Kaedah Pertama: Ijtihad Tidak Boleh Dibatalkan
Dengan Ijtihad ................................................. 350

Kaedah Kedua: Keputusan-keputusan Yang
Terdahulu Tidak Mengikat Hakim ..................... 352

Kaedah Ketiga: Dibatalkan Keputusan Yang
Berlawanan Dengan Nas Atau Ijmak ............ 354

Kaedah Keempat: Dibatalkan Keputusan-
keputusan Hakim Yang Zalim dan Jahat Apabila
Keputusan Itu Zalim ..........................................354

Kaedah Kelima: Tohmah Boleh Mempengaruhi
Keputusan Hakim dan Mendedahkannya Kepada
Pembatalan ........................................................ 356



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kaedah Keenam: Diteliti Keputusan Hakim Yang Kurang Faqih dan Mereka Yang Tidak Bermusyawarah. Maka Disahkan Keputusan-keputusan Yang Betul dan Batalkan Mana-mana Keputusan Yang terang-terang Salah .................................. 358

Kaedah Ketujuh: Apabila Hukuman Yang Dibatalkan Itu Betul Maka Hukuman Yang Membatalkan Itu Hendaklah Dibatalkan dan Hendaklah Disah kan Hukuman Yang Telah Dibatalkan ................ 358

PERBAHASAN KEDUA

**BADAN YANG MEMPUNYAI KUASA PEMBATAL DAN PENGESAH**

Pendahuluan ..................................................359
Pertama: Dibatalkan Hukuman Oleh Hakim Yang Mengeluarkannya .................................... 359
Kedua: Dibatalkan Hukuman Oleh Selain Dari Hakim Yang Mengeluarkannya .......................... 360
Apakah Dibatal dan Disahkan Keputusan-keputusan Berdasarkan Kepada Tuntutan Atau Tidak? ..................................................................361
Menyusun Peraturan Pembatalan dan Pengesahan Keputusan..........................................364
Jawapannya, Ya, dan dapat disempurnakan yang demikian itu seperti berikut ................................ 365
Pertama: Hukuman-hukuman Yang Terbit Dari Hakim-hakim Tahap Pertama ............................ 368
Kedua: Hukuman-hukuman Yang Terbit Dari Hakim-hakim Tahap Kedua ................................ 369
Ketiga: Hukuman-hukuman Hakim Pembatal dan Pengesah ................................................ 370



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

FASAL KELIMA

## PELAKSANAAN HUKUMAN


Pendahuluan....................................................371
Hakim Sendiri Yang melaksanakan
Keputusannya ..................................................371
Hakim Menulis Surat Kepada Hakim Yang
Lain Supaya Melaksanakan Hukumannya...........373
Pelantikan Hakim Khusus Untuk
Pelaksanaan Hukuman ......................................374
Cara-cara Mendorong Yang Kena Hukum
Melaksanakan Hukuman Ke Atasnya .................376
Pertama Dilarang Yang Kena Hukum Dari
Keluar Negeri ................................................... 376
Dipenjarakan Yang Berhutang ...........................376
Ditahan Yang Berhutang Dari Terus
Mengendali Atau Mengurus Hartanya ................ 378
Menjual Harta Orang Berhutang Yang
Telah Dihukum ..................................................379
Apakah Dijual Semua Harta Orang Yang
Berhutang Itu? ..................................................379


## BAB KEEMPAT: TAHKIM (TIMBANGTARA)


Pendahuluan....................................................381
Takrif Tahkim....................................................381
Dalil Pensyariatan Tahkim.................................. 382
Syarat-syarat Seorang Hakam.............................. 384
Perkara Yang Boleh Ditahkimkan.......................... 384
Penarikan Diri Dari Tahkim ............................... 386
Mengikat dan Berkuatkuasa Keputusan Hakam..... 387
Bagi Mazhab Syafie ada dua pendapat:.................. 387
Undang-undang Yang Diputus Oleh Hakam......... 388
Membatal dan Mengesahkan Hukuman Hakam..... 388
Pelaksanaan Keputusan Hakam........................... 389




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

**BAB KELIMA: WILAYAH MAZALIM ATAU QADZA' MAZALIM**

Pendahuluan....................391
Takrif....................391
Tabiat Wilayah Mazalim....................392
Nama-nama Mereka Yang Menjawat Jawatan Kehakiman Mazalim....................393
Syarat-syarat Mereka Yang Menjawat Jawatan Kehakiman Mazalim....................393
Para Khalifah Pernah Mengendalikan Kehakiman Mazalim....................393
Siapa Yang Melantik Hakim Mazalim....................394
Tugas-tugas Hakim Mazalim.................... 394
Pertama: Mendengar Kes Kezaliman Yang Dilakukan Oleh Gabenor-gabenor Terhadap Rakyat....................395
Khalifah Bertanggungjawab Di Atas Kezaliman Gabenor-gabenornya Terhadap Rakyat Jelata....................396
Kedua: Kembalikan Harta Yang Dizalimi Oleh Negara Dalam Pemungutan Cukai....................398
Ketiga....................398
Keempat....................399
Kelima....................400
Keenam....................400
Ketujuh....................401
Kelapan....................401
Keanggotaan Mahkamah al-Mazalim....................400
Undang-undang Wali Mazalim dan Cara-cara Mensabitkannya....................402
Hari-hari Kerja Kadi Mazalim....................403
Beberapa Perbezaan di Antara Hakim al-Mazalim Dengan Hakim-hakim Yang Lain.................... 404



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

## BAB KEENAM: HISBAH

Pendahuluan .................................................... 407

Metode Kajian .................................................... 407

FASAL PERTAMA

**TAKRIF HISBAH DAN DALIL PENSYARIATANNYA**

Takrif Hisbah Dari Segi Bahasa dan Istilah.......... 408
Dalil Pensyariatan Hisbah .................................. 409
Tahap Pensyariatan Hisbah .................................. 412

FASAL KEDUA

**RUKUN-RUKUN HISBAH**

Pendahuluan ........................................................412

PERBAHASAN PERTAMA

**MUHTASIB (PENYELIA ATAU PEGAWAI PENGUATKUASA)**

Muhtasib dan Mutatowwi'
(Execution Officer and Volunteer) ....................... 413
Kuasa Muhtasib dan Mutatowwi'......................... 413
Beberapa Perbezaan di Antara Seorang
Penguatkuasa (Muhtasib) dan Petugas Sukarela
(Mutatowwi') ..............................................414
Titik-titik Persamaan dan Perbezaan di Antara
Muhtasib dan Kadi atau Hakim ..........................416
Titik-titik Persamaan dan Perbezaan Antara
Muhtasib dengan Nazir Mazalim ......................... 418
Syarat-syarat Muhtasib ....................................... 419
Ilmu Pengetahuan ..............................................421
Keenam – Kemampuan .........................................424
Adab (Etika) Seorang Muhtasib .......................... 425



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERBAHASAN KEDUA

**MUHTASAB 'ALAIH** ................................................ 428

Siapakah Muhtasab 'Alaih.....................................428
Golongan Yang Diihtisabkan Ke Atasnya.............428
Kaum Kerabat atau Keluarga................................429
Para Hakim dan Pembantu-pembantunya............429
Umarak dan Kakitangan Eksekutif
(Executive Power)..................................................430
Keempat: Ahli-ahli Profesional.............................431
Orang Yang Bukan Islam......................................432

PERBAHASAN KETIGA

**AL-MUHTASAB FIH**

Apa Itu Muhtasab Fih?..........................................433
Skop Persoalan Hisbah...........................................434
Beberapa Contoh Lapangan Muhtasab Fih........... 436
Pertama: Dalam Perkara 'Aqidah........................ 436
Kedua: Ibadat........................................................436
Ketiga: Mu'amalat..................................................438
Keempat: Perkara Yang Berkaitan
Dengan Jalan-jalan.............................................. 438
Kelima: Perkara Yang Berkaitan Dengan
Profesion dan Perindustrian ............................... 439
Dari aspek tempat ............................................. 439
Dari aspek peralatan pekerjaan ........................ 440
Dari aspek barang yang dihasil dan barang
jualan ......................................................................440
Siapa yang menipu maka bukan ia dari
(golongan) kami .................................................. 441
Keenam: Sesuatu Yang Berkaitan Dengan
Akhlak dan Etika ............................................... 441



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERBAHASAN KEEMPAT

**AL-IHTISAB** .......... 442

Konsep Ihtisab .......... 442
Kesempurnaan Ihtisab .......... 442

**PENUTUP** .......... 444

**BIBLIOGRAFI** .......... 445 - 451



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# MUKADIMAH

1. Hukum-hukum syarak yang diambil dari al-Quran, Sunah Nabi s.a.w yang sah dan sumber-sumber yang muktabar di segi syarak itulah yang membentuk undang-undang Islam untuk mengatur semua urusan hidup, menyusun berbagai-bagai perhubungan di antara manusia dan menetapkan beberapa hak serta tanggungjawab yang mesti dihormati dan dilaksanakan.

2. Setiap individu dalam masyarakat Islam dituntut melaksanakan undang-undang Islam ini, tidak melanggari batas-batasnya dan tidak menyalahi hukum-hukumnya. Pada prinsipnya pelaksanaan ini hendaklah dilakukan dengan pilihan dan rela hati bukan dengan kekerasan dan paksaan. Ini jelas dapat difahami daripada tabiat seseorang muslim itu sendiri, kerana dia beriman kepada Allah sebagai Tuhannya, Islam sebagai din (cara hidup) dan Muhammad 'alahi as-solatu wassalam sebagai Nabi dan Rasul-Nya. Maka keimanan itu menuntut dia reda dengan hukum-hukum Islam dan melaksanakannya dengan rela hati. Ada pun orang yang bukan Islam yang tinggal di negara Islam, sama ada kafir *zimmi* atau *musta'min* mereka juga hendaklah dengan rela hati melaksanakan hukum-hukum Islam yang tertentu dan yang berkaitan dengan mereka. Ini kerana kafir *zimmi* dan *musta'min* telah membuat komitmen ke atas hukum Islam dengan kerelaan hati masing-masing. Ini berdasarkan kepada syarat jaminan keselamatan yang dipersetujui selama mereka berada di dalam negara Islam, kewajipan yang demikian ini adalah berdasarkan kepada *'aqd azzimmah.*[1]

1 Sila lihat huraian lanjut masalah ini di dalam kitab penulis "Ahkam al-Zimmiyyin Wa al-Musta'minin Fi Dar al-Islam".



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

3. Pelaksanaan undang-undang Islam, tidak melampaui batasnya, tidak menyalahinya, menghormati hak-hak yang telah ditentukannya kepada manusia dan melaksanakan beberapa tanggungjawab yang diwajibkan ke atas mereka. Kesemuanya itu memerlukan undang-undang diketahui dan difahami terlebih dahulu sebelum dilaksanakannya kerana kita sudah sedia maklum bahawa mengetahui sesuatu itu adalah prasyarat kepada pelaksanaannya.

Sesungguhnya, Islam telah membuka jalan bagi memudahkan manusia untuk mengetahui hukum-hukumnya, kerana para ulama telah diwajibkan mengajar hukum syarak kepada manusia dan dia memerintahkan pihak yang berkuasa menyebarkan Islam, menjelaskan isi kandungan dan hukumnya, serta diperintah melahirkan ulama dan mufti-mufti. Mereka itu dihantar ke merata daerah dalam negara dengan tujuan untuk mengajar dan memberi fatwa. Islam juga mewajibkan mereka yang tidak tahu hukum-hukum Islam yang menyentuh mereka secara langsung supaya bertanya kepada mereka yang alim kerana Allah berfirman:

فَسْـَٔلُوٓا۟ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

**Ertinya: Maka hendaklah kamu bertanya kepada orang yang mengetahui jika kamu tidak tahu.**

(Surah an-Nahl: 43)

4. Tugas para ulama dan mufti pada mulanya ialah menyampaikan hukum-hukum Islam kepada manusia seterusnya menyatakan hukum-hukum itu apabila ditanya. Dengan cara ini mudahlah manusia melaksanakan hukum Islam dan diharapkan mereka tidak melanggarinya. Tetapi sekiranya cita-cita dan harapan ini tidak berjaya dicapai, sebaliknya individu-individu sengaja melambatkan pelaksanaan hukum Islam atau tidak mahu melaksanakannya, di samping itu melanggar hak orang lain dan tidak menghormatinya,



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

adalah menjadi kewajipan ke atas negara Islam itu sendiri memaksa mereka tunduk dan patuh kepada batas-batas perundangan Islam dan tidak mencerobohi hak-hak orang lain. Sekiranya mereka ingkar juga maka hendaklah dikenakan hukuman *'uqubah Syar'iyyah* (keseksaan Islam) yang sewajar dengannya. Badan yang mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas ini ialah Badan Kehakiman. Sebab itulah ulama telah mentakrifkan *al-Qadza* atau kehakiman itu ialah "Memberitahu/memperjelaskan hukum syarak atas jalan *ilzam* (mengikat)". Inilah yang membezakan di antara kehakiman dan fatwa, kerana tugas mufti ialah memberitahu hukum syarak tanpa mengikat dan memastikan orang yang minta fatwa atau orang lain melaksanakan hukum itu. Ia terserahlah kepada mereka melaksanakan hukum tersebut dengan pilihan sendiri. Berlainan dengan kadi/hakim yang mana mereka bertugas memberitahu hukum syarak dan mewajibkan mereka yang terlibat dengan hukum itu melaksanakannya, atau hakim akan mengeluarkan perintah supaya hukuman yang diputuskan itu dilaksanakan ke atas mereka yang berkenaan walaupun secara paksa.[2]

5. Apakah kehakiman itu perlu untuk manusia?

Besar kemungkinan kita akan diajukan dengan soalan, apakah kehakiman itu penting untuk manusia? Atau sekurang-kurangnya adakah mereka perlu kepada kehakiman? Kita akan menjawab dengan penuh keyakinan "YA", sebab itulah mana-mana masyarakat tidak sunyi daripada badan atau kuasa yang mengendalikan hukuman di antara manusia dengan apa jua bentuk hukuman dan penyelesaiannya. Ini adalah kerana kezaliman itu tabiat manusia maka pasti mereka memerlukan kepada hakim yang akan mengadili di antara yang zalim dan yang kena zalim.[3]

---

2 Tabsirah al-Hukkam Li Ibn Farahun al-Maliki, jld. 1, hlm. 2.
3 Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab Li al-Nawawi, jld. 8, hlm. 391.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

6. Ada orang yang mengatakan bahawa sesungguhnya Islam mendidik jiwa dan memenuhkan hati dengan perasaan takut kepada Allah, di samping membawa manusia mentaati-Nya dan tidak menyalahi peraturan-Nya. Oleh itu, mereka tidak akan mencerobohi hak-hak orang lain, bahkan akan berlaku adil terhadap mereka dalam hal yang berkaitan dengan diri sendiri. Oleh itu, apa lagi perlu kepada kehakiman bagi masyarakat Islam? Jawapannya tetap diperlukan, kerana orang Islam bukan sentiasa terjamin daripada jatuh ke dalam maksiat dan melanggari undang-undang Islam. Walaupun imannya cukup mendalam dan Islamnya bersih. Walaupun andaian maksiat daripada mereka sedikit dan pelanggaran undang-undang jarang berlaku. Buktinya masyarakat Islam pada zaman Rasulullah s.a.w pun ada juga berlaku kesalahan-kesalahan yang berlawanan dengan undang-undang Islam walaupun ketika itu masyarakatnya adalah yang terbaik sekali. Oleh kerana itulah Rasulullah s.a.w sendiri yang mengendalikan urusan kehakiman[4] dan di luar kota Madinah pula baginda melantik sahabat-sahabat baginda seperti Sayyidina 'Ali bin Abi Talib sebagai hakim di negeri Yaman dan Mu'az bin Jabal pernah dilantik sebagai hakim di Yaman serta 'Itab bin Asyad dilantik sebagai hakim di Mekah.[5]

7. Adakah sistem kehakiman wujud dalam Islam?

   Apabila kehakiman itu merupakan perkara yang diperlukan oleh semua masyarakat manusia maka syariat Islam tidak dilupai sama sekali. Bahkan ia telah mensyarakkan beberapa hukum yang berkaitan bagi mewujudkan institusi-institusi kehakiman dan asas-asasnya seterusnya menjelaskan beberapa syarat kelayakan bagi mereka yang akan memegang kuasa-kuasa kehakiman, dan diterangkan prinsip-prinsip

---

4 Kitab "Aqdziah al-Rasul s.a.w", karangan Syaikh Abdullah Muhammad Faraj al-Maliki al-Qurtubi.

5 Al-Mughni Li Ibn Qudamah: jld. 9, hlm. 34, Badai' al-Sanai' Li al-Kasani, jld. 7, hlm. 2, dan Al-Tabaqat al-Kubra Li Ibn Sa'ad, jld. 2, hlm. 100, 101, dan 107.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kehakiman, prosedurnya, syarat-syaratnya, kaedah-kaedahnya dan lain-lain perkara yang berhubung kait dengan kehakiman. Kesemua perkara inilah yang akan membentuk apa yang kami namakannya sebagai:

نظام القضاء في الشريعة الإسلامية

**Sistem Kehakiman Dalam Syariat Islam**

8. Manhaj Kajian.

Sistem kehakiman dalam syariat Islam ditegakkan di atas beberapa rukun dan asas. Ia memerlukan orang yang bertindak memberhentikan pergaduhan dan menyelesaikan perbalahan. Kadi/hakim adalah rukun pertama dari rukun-rukun sistem kehakiman Islam.

Kadi hanya akan dapat memberhentikan perbalahan itu apabila orang yang berkenaan membuat dakwaan yang tertentu kepadanya. Beliau akan meneliti atau mendengar dakwaan itu berdasarkan kepada prinsip-prinsip mendengar dakwaan dan cara-cara pembuktiannya. Dakwaan, prinsip-prinsip mendengar dakwaan dan cara-cara membuktikannya itu merupakan rukun kedua daripada rukun-rukun sistem kehakiman dalam Islam.

Setelah kadi mendengar dakwaan itu barulah dia mengeluarkan hukumannya bagi menyelesaikan persengketaan dan pergaduhan itu. Hukuman adalah rukun ketiga dalam sistem kehakiman Islam.

Memberhentikan atau mengakhirkan perbalahan di kalangan manusia kadangkala dengan cara *Tahkim* atau *Wilayah al-Mazalim* atau *al-Hisbah*. Ketiga-tiga ini adalah di antara institusi sokongan kepada sistem kehakiman Islam, dan ia merupakan sebahagian daripada beberapa aspeknya yang penting.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Berdasarkan perkara tersebut maka manhaj kajian ini dibuat berasaskan kepada penentuan bab yang berasingan dari setiap rukun dan aspek-aspek penting dalam sistem kehakiman syariat Islam di samping satu bab pendahuluan kepada pengenalan al-Qadza (Kehakiman), hukumnya dan hikmahnya, kemudian diakhiri dengan khatimah al-kitab (penutup), sebagaimana berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Bab Pendahuluan | : | Takrif al-Qadza, Penjelasan hukum dan hikmahnya |
| Bab Pertama | : | Kadi/Hakim |
| Bab Kedua | : | Pendakwaan, Prinsip-prinsip Dakwaan dan cara-cara membuktikannya |
| Bab Ketiga | : | Hukuman (yang diputuskan) |
| Bab Keempat | : | Al-Tahkim |
| Bab Kelima | : | Wilayah Al-Mazalim |
| Bab Keenam | : | Al-Hisbah |

Al-Khatimah (Penutup)

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# TAKRIF AL-QADZA (KEHAKIMAN/ PENGADILAN), PENJELASAN HUKUM AL-QADZA DAN HIKMAHNYA

## 9.
## Takrif Al-Qadza Dari Segi Bahasa[6]

Al-Qadza menurut pengertian bahasa Arab ialah ( الحُكْمُ وَالفَصْلُ وَالقَطْعُ ) iaitu menghukum, memisah dan memutuskan.

قَضَى يَقْضِي قَضَاءً فَهُوَ قَاضٍ إِذَا حَكَمَ وَفَصَلَ

**Ertinya: Ia menjatuhkan hukuman dan membuat keputusan.**

Kemudian qadzi ertinya orang yang memutuskan perkara-perkara yang dihakimkan kepadanya, yakni yang menjalankan hukuman di antara manusia dengan hukum syarak. Walau bagaimana pun, lafaz ( (القَضَاءُ) ) itu sendiri mempunyai beberapa makna yang banyak di antaranya ialah:

1. ( (الوُجُوْبُ وَالوُقُوْعُ) ) (Tetap dan Berlaku)
   Seperti firman Allah S.W.T:

قُضِيَ ٱلْأَمْرُ ٱلَّذِى فِيهِ تَسْتَفْتِيَانِ

**Ertinya: Telah selesailah (dan tetaplah berlakunya) perkara yang kamu tanyakan itu.**

(Surah Yusuf: 41)

6 Basair Zawi al-Tamyiz Fi Lataif al-Kitab al-Aziz, Lil-Fairuzbadi; jld. 2, hal. 275-279, Lisan al-Arab, Ibn Manzur, jld. 2, hal. 47-49, Al-Mu'jam al-Wasit, jld. 2, hal. 749.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



Penterjemah buku ini, Hj Mohd. Saleh bin Haji Ahmad dilahirkan pada 5.7.1947 di Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan awal di ekolah Melayu Jelutong, Taiping, Perak. Kemudian beliau memulakan pengajian menengahnya di Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah pada tahun 1959 hingga 1966. Selepas itu bertukar ke Madrasah Irsyadiah Batu 26, Bagan Datuk, Perak mulai tahun 1967 hingga 1968. Berikutnya ke Maktab Pengajian Islam, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1969, selepas itu beliau menyambung pengajian ke Fakulti Syariah dan Undang-undang, Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri, Kelantan pada tahun 1970 hingga 1974 dan mendapat Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang pada tahun 1974 daripada YPTIK. Beliau dihadiahkan biasiswa oleh kerajaan Kelantan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar. Sekali lagi beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah (BSy) pada tahun 1976 berikutnya Ijazah Sarjana (MSy) dalam bidang Al-Fiqh Al-Muqarin pada tahun 1978.

Beliau kembali ke tanah air dan memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang (YPTIK) pada tahun 1979 hingga 1981. Kemudian apabila Universiti Malaya mengambil alih YPTIK pada tahun 1981 beliau meneruskan tugas sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. Kemudian beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Prof. Madya pada 29.6.1996, dalam tempoh berkhidmat di UM beliau pernah memegang jawatan Penyelaras Program Pendidikan Islam, Timbalan Dekan Fakulti Syariah, Dekan Fakulti Syariah, kemudian Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Setelah bersara daripada Universiti Malaya, beliau meneruskan khidmatnya sebagai Fellow Kanan, Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarbangsa Malaysia, Gombak secara Kontrak.

Beliau juga aktif dengan aktiviti kemasyarakatan di luar kampus antaranya memberi kuliah dan ceramah di masjid-masjid, seminar-seminar dalam dan luar negara seperti Singapura dan Brunai. Sebagai pengiktirafan diatas ilmunya, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariyyah (fatwa) negeri Perak Darul Ridzwan, AJK Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, Ahli Panel Kajian Syariah JAKIM, Ahli Lajnah Syariah Koperasi Muslimin Malaysia Berhad, Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad, Ahli Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) (1999-2004), Ahli Majlis Agama Islam dan adat Melayu Perak Darul Ridzuan. (2000 hingga sekarang), Anggota Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syar'iyyah Negeri Selangor Darul Ehsan (2001-2004), Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Rakyat (2000-2004), Ahli Jawatankuasa Kajian Undang-undang Keterangan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (2002-2005), Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Muamalat (2002 hingga sekarang) dan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Selangor Darul Ehsan (2003 hingga sekarang). Anggota Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syar'yyah Negeri Perak (2007-2009). Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputraan Yang ke-79 pada 19hb. April 2007 D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Azlan Shah Sultan Perak Darul Ridzuan Mengurniakan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P) kepada beliau.

Penulisan beliau yang telah diterbitkan ialah Solat Jama'ah: Satu Huraian Menurut Mazhab Syafi'i (1990), Sistem Kehakiman Islam (Jilid 1,2,3) (1993), Pengantar Syari'at Islam (1999), Rujuk dan 'Iddah dalam Sistem Perkahwinan Islam (1995), Qawaid Fiqhiyyah (1998), Panduan Solat Musafir Jama' dan Qasar (2000), Risalah Ahkam (2005) dan yang terbaru, Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam (2009).

Pustaka Haji Abdul Majid
No.54, Jalan SBC 3,
Taman Sri Batu Caves,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03 - 6184 2641
Fax: 03 - 6184 2671
H/P: 012 - 3883 545
Email: pham2000@tm.net.my
Laman Web : http://www.pustakamajid.com

HARGA : RM 40 .00

ISBN 978-967-5407-02-4
9 789675 407024

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA